



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


1 MAC 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 2,158 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 341,712 kes. Sebanyak enam (6) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di daerah Kota Marudu, Tawau, Penampang, Beluran, Lahad Datu dan Kota Kinabalu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 5,294 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 293,629 orang. Manakala 1,674 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,069 orang di hospital, 590 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 14 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 72 orang merangkumi 64 di ICU/repurposed kritikal care serta lapan (8) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 29 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian di Sabah hampir sama dengan jumlah semalam dengan penurunan marginal sebanyak 16 kes. Jumlah jangkitan baharu hari ini ialah 2,158 kes.
- b. Walaupun jumlah kes menurun sedikit secara keseluruhan hari ini tetapi 17 daripada 27 daerah di Sabah mencatatkan jumlah kes harian yang lebih tinggi daripada kelmarin dan cuma sembilan (9) daerah merekodkan penurunan. Satu (1) lagi daerah kekal sebagaimana catatan kes semalam.
- c. Kota Kinabalu kekal sebagai penyumbang utama kepada jumlah kes harian di Sabah dengan 651 kes (+96), diikuti oleh Tuaran 142 kes (-39), Papar 135 kes (-69), Keningau 130 kes (+25), Beaufort 130 kes (+69), Kota Belud 120 kes (+19), Penampang 111 kes (-141) dan Putatan 100 kes (-123). Sebanyak 17 daerah lain mencatatkan kes dua (2) angka manakala Kunak dan Kalabakan masing-masing merekodkan kes satu (1) angka.
- d. Kerajaan Negeri memutuskan agar keseluruhan sektor penjawat awam beroperasi pada kapasiti penuh mulai 1/3/2022, kecuali mereka yang dijangkiti COVID-19 dan juga kontak rapat berdasarkan status semasa dalam MySejahtera. Sehubungan dengan itu, bagi membendung penularan virus di kalangan penjawat awam semasa bertugas, adalah dinasihatkan agar sentiasa mematuhi SOP yang telah digariskan.
- e. Sejumlah 2,143 atau 99.31% daripada 2,158 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, enam (6) kes dalam Kategori 3, enam (6) kes dalam Kategori 4 dan tiga (3) kes dalam Kategori 5.
- f. Setakat ini, PICKids Sabah telah berjaya melaksanakan pemberian vaksin kepada 48,118 kanak-kanak daripada 411,400 kanak-kanak berumur antara 5-11 tahun yang layak divaksin. Sebanyak 247 kes hari ini melibatkan kanak-kanak bawah umur 11 tahun yang belum divaksin, dengan 117 daripadanya merupakan kanak-kanak yang belum layak mendapat vaksin (bawah umur 5 tahun).

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	2	0.09%
2	Kontak	631	29.24%
3	Bergejala	1,298	60.15%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	227	10.52%
JUMLAH		2,158	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (28 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 28/02/2022	Catatan Kes 01/03/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	555	651	+96
2	Beaufort	61	130	+69
3	Sandakan	50	88	+38
4	Keningau	105	130	+25
5	Kota Belud	101	120	+19
6	Sipitang	27	45	+18
7	Semporna	0	17	+17
8	Telupid	15	30	+15
3	Tawau	70	83	+13
10	Tenom	49	60	+11
11	Kuala Penyu	38	49	+11
12	Kota Marudu	32	41	+9
13	Kudat	16	25	+9
14	Beluran	8	17	+9
15	Ranau	39	47	+8
16	Nabawan	10	18	+8
17	Pitas	19	25	+6
18	Tongod	13	13	Mendatar
19	Penampang	252	111	-141
20	Putatan	223	100	-123
21	Papar	204	135	-69
22	Tuaran	181	142	-39
23	Lahad Datu	38	32	-6
24	Tambunan	27	22	-5
25	Kinabatangan	22	17	-5
26	Kunak	13	8	-5
27	Kalabakan	6	2	-4
JUMLAH		2,174	2,158	-16

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	134	467	0	50	651	15014
Tuaran	0	67	67	0	8	142	5035
Papar	0	44	85	0	6	135	4220
Keningau	2	48	77	0	3	130	2137
Beaufort	0	43	64	0	23	130	2170
Kota Belud	0	39	63	0	18	120	2305
Penampang	0	36	68	0	7	111	6188
Putatan	0	34	52	0	14	100	3002
Sandakan	0	27	58	0	3	88	2830
Tawau	0	9	59	0	15	83	3254
Tenom	0	10	46	0	4	60	922
Kuala Penyu	0	30	17	0	2	49	880
Ranau	0	21	15	0	11	47	1484
Sipitang	0	22	19	0	4	45	784
Kota Marudu	0	16	23	0	2	41	1560
Lahad Datu	0	1	15	0	16	32	1995
Telupid	0	7	13	0	10	30	500
Pitas	0	9	13	0	3	25	584
Kudat	0	1	19	0	5	25	389
Tambunan	0	14	7	0	1	22	695
Nabawan	0	10	5	0	3	18	460
Kinabatangan	0	1	7	0	9	17	367
Beluran	0	7	7	0	3	17	590
Semporna	0	0	14	0	3	17	228
Tongod	0	0	12	0	1	13	346
Kunak	0	1	4	0	3	8	424
Kalabakan	0	0	2	0	0	2	89
JUMLAH	2	631	1,298	0	227	2,158	58,452

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Keningau	Kluster Bukit Langsat	2
	Jumlah	2

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,095 unit

- Hospital 1,832 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,967 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 268 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 40.88%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 1 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,152
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	4
Jumlah	2,158

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Indonesia	1
Jumlah	1

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	2,078
Bukan Malaysia	80
Jumlah	2,158

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	117
Belum Menerima Vaksin (5-11)	130
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	145
Menerima 1 Dos	20
Lengkap 2 Dos	1,098
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	648
Jumlah	2,158

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	25
1-4	92
5 -11	143
12-17	100
18-29	547
30-39	518
40-49	313
50-59	193
60-69	137
70-79	54
80-89	33
>90	3
Jumlah	2,158

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 28 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 14,627 orang. Daripada jumlah ini, seramai 11,751 orang adalah penduduk dewasa, 139 orang adalah penduduk remaja 2,737 orang adalah penduduk kanak-kanak..
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 28 Februari 2022 adalah seramai 2,506,357 orang. Ini meliputi 2,119,346 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.01% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,413,488 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,099,811 orang atau 77.30% adalah penduduk dewasa.

- 3 Seramai 338,893 orang atau 79.52% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,677 atau 73.60% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 48,118 atau 11.70% orang telah menerima 1 dos vaksin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **683,247** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sebanyak empat (4) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan oleh PDRM seluruh Sabah.
 - Empat (4) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.
- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 182 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 42 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1052 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan oleh PBT pada hari ini.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 632 premis perniagaan dan 1, 117 individu di 18 kawasan. Empat (4) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Kepayan. Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 290 Premis Perniagaan melibatkan 121 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 146 anggota.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan lima (5) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 107 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 191 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98.6%
2	Tenom	98.4%
3	Lahad Datu	98.4%
4	Kota Marudu	98.4%
5	Kudat	98.4%
6	Tawau	98.4%
7	Kunak	98.4%
8	Beluran	98.4%
9	Kota Kinabalu	98.3%
10	Sipitang	98.3%
11	Sandakan	98.3%
12	Beaufort	98%
13	Penampang	98%
14	Keningau	98%
15	Kinabatangan	98%
16	Kota Belud	98%
17	Tuaran	98%
18	Ranau	98%
19	Papar	97.5%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**